

03 JUL 1998

Mahathir-Akhbar

AKHBAR DI MALAYSIA LEBIH CENDERUNG KECAM KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata akhbar-akhbar di Malaysia lebih cenderung untuk mengecam kerajaan daripada membantunya dalam mengatasi masalah.

"Kalau kita kata apa-apa, bagi mereka ini akan dilaporkan dengan cara yang negatif," katanya.

"Saya berasa amat sedih kerana sepatutnya akhbar-akhbar kita ini menolong kita mengatasi masalah. Tetapi mereka lebih mirip untuk menjual surat khabar mereka dan membuat laporan yang negatif terhadap segala-segalanya," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Jabatan Perdana Menteri di sini.

Merujuk kepada liputan akhbar tempatan dalam tempoh beberapa hari ini mengenai masalah operasi Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Dr Mahathir berkata akhbar tempatan lebih berminat memperbesar-besarkan masalah yang timbul di lapangan terbang yang mula beroperasi Selasa lepas itu.

Perdana Menteri pada satu sidang berita di Kedah semalam, juga mengkritik media tempatan yang katanya memberi tumpuan berlebihan kepada politik daripada membantu memulihkan ekonomi negara.

"KLIA di Sepang ada masalah, yang itu yang dibesar-besarkan sedangkan ada lapangan terbang di Amerika (Syarikat) yang bila dibuka tidak boleh berfungsi sama sekali, yang beg-beg (bagasi) pun hilang. Tapi di Malaysia bila ia jadi macam itu, ia dilapor bukan main lagi," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata akhbar tempatan tidak melaporkan kejayaan yang dicapai selama ini dan ini tidak menolong memulihkan negara.

"Kalau kita buat dana untuk menolong peniaga, dia tanya ini nak tolong orang itu ke? Orang tertentu disebutkan.

"Jadi kita buat peruntukan berbilion ringgit kerana nak tolong orang itu orang ini ... ini pendapat mereka tapi ini tidak menolong untuk mengatasi masalah negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana pegawai dan kakitangan kerajaan tidak menimbulkan masalah kepada negara sebaliknya mencuba menolong untuk memajukan pentadbiran negara.

Perdana Menteri seperti biasa menemui wartawan selepas majlis itu tetapi sidang berita hari ini agak singkat memandangkan tidak banyak soalan dikemukakan oleh wartawan yang mungkin sedang mencerna teguran beliau semasa berucap.

--BERNAMA

HS RAZ sj